

**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

Pejabat Kewangan Negeri,  
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,  
70503 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)  
06 - 7659961  
06 - 7659962  
No. Faks: 06 - 7636352  
06 - 7671702

Fail kami : P.Kw.N./N.S. (349) 600/4 Klt.7 (01)  
Tarikh : 18 Zulhijjah 1442H  
28 Julai 2021

**YB DATO' DR./ YBHG DATO'/ TUAN/ PUAN  
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**DATUK BANDAR/ YANG DIPERTUA  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/ PENGARAH  
BADAN BERKANUN NEGERI**

**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**KADAR BAYARAN PENJUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA DAN TENDER  
SECARA DALAM TALIAN (*ONLINE*) BAGI PERUNTUKAN NEGERI**

Dengan segala hormatnya, saya ingin menarik perhatian YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Berikutan situasi terkini penularan COVID-19, Kerajaan pada 15 Jun 2021 telah mengumumkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di seluruh negara yang merupakan suatu panduan atau *roadmap* peralihan keluar daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan perolehan Kerajaan dapat diteruskan dan penyampaian perkhidmatan awam tidak terjejas semasa pelaksanaan keseluruhan PPN, kita telah beralih kepada fasa "**norma baharu**" di mana perolehan Kerajaan dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

4. Oleh yang demikian, bagi menyokong "norma baharu" tersebut, saya selaku Pegawai Kewangan Negeri bersetuju memberikan **pengurangan sebanyak 50 peratus terhadap kadar sebenar jualan dokumen sebut harga dan tender bagi semua perolehan yang melibatkan peruntukan negeri yang dijual secara dalam talian.**

5. Pengurangan kadar jualan dokumen sebut harga dan tender ini berkuat kuasa pada tarikh surat ini ditandatangani. Perhatian dan kerjasama YB Dato' Dr./ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJJ MOHD KHIDIR BIN MAJID)